

PROMOSI GANJARAN DEPOSIT TETAP/DEPOSIT TETAP-i 2025

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Ganjaran Deposit Tetap/Deposit Tetap-i 2025" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") bermula pada 21 Mac 2025 dan berakhir pada 30 Jun 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ini ("T&S"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu sedia ada dan baharu yang mempunyai Akaun Semasa/Simpanan HLB atau Akaun Semasa-i/Simpanan-i HLISB ("CASA/CASA-i") dan yang memenuhi salah satu atau kedua-dua kriteria berikut ("Pelanggan") semasa Tempoh Promosi:

Kriteria #1

- (i) Telah mendaftar untuk HLB Connect Online (laman sesawang) dan/atau Aplikasi HLB Connect Online (secara kolektif dirujuk sebagai "HLB Connect Online"); dan/atau
- (ii) Membuka akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i ("eFD/eFD-i") dalam talian ("Akaun eFD/eFD-i"); dan/atau akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Bersama ("eFD/eFD-i Bersama") ("Akaun eFD/eFD-i Bersama") melalui HLB Connect Online (laman sesawang).

Kriteria #2

- (i) Pelanggan telah meletakkan Dana Baharu (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4 di bawah) ke dalam mana-mana Akaun Penyertaan Deposit Tetap/Deposit Tetap-i (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di bawah) semasa Tempoh Promosi.

2. Bagi mengelakkan keraguan:

- (i) Pelanggan baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
- (ii) Pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang mempunyai mana-mana produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
- (iii) Pelanggan bukan individu seperti persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan kepada keuntungan, pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan pengamal profesional, syarikat dan badan korporat yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi.

3. "Akaun Penyertaan FD/FD-i" untuk Promosi ini adalah seperti berikut:

Untuk FD Konvensional

- (a) Deposit Tetap Konvensional;
- (b) Deposit Tetap Senior Saver Flexi;
- (c) Deposit Tetap Premium;
- (d) Deposit Tetap Junior;
- (e) eDeposit Tetap ("eFD"); dan
- (f) eDeposit Tetap Bersama ("eFD Bersama").

Untuk **FD-i Islamik**

- (a) Deposit Tetap-i;
- (b) Deposit Tetap Junior-i;
- (c) eDeposit Tetap-i ("**eFD-i**"); and
- (d) eDeposit Tetap-i Bersama ("**eFD-i Bersama**").

4. Promosi ini terpakai untuk dana baharu sahaja. "Dana Baharu" ditakrifkan sebagai:
 - (a) wang tunai, *Financial Process Exchanges* ("**FPX**"), pemindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pemindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan FD/FD-i, CASA/CASA-i Pelanggan; dan/atau
 - (b) hasil yang diperoleh daripada penebusan ekuiti, dana amanah unit, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
5. Perkara berikut **TIDAK** boleh dianggap sebagai "Dana Baharu":
 - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i daripada mana-mana Akaun FD/FD-i sedia ada dengan Bank;
 - (b) pemindahan dana intra bank, iaitu pemindahan dana daripada akaun HLB/HLISB lain (sama ada CASA, CASA-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i atau Akaun Pelaburan Am; dan/atau
 - (a) pemindahan antara dan/atau antara cawangan HLB dan HLISB termasuk melalui pemindahan akaun pihak ketiga.
6. Bagi tujuan Promosi ini, semua Dana Baharu mesti dimasukkan dan didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan FD/FD-i Pelanggan **dalam tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh ketersediaan Dana Baharu untuk peletakan yang dibuat di Kaunter cawangan.
7. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang tertera di dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect Online dan Terma dan Syarat yang berkenaan dengan Akaun Penyertaan FD/FD-i dan Akaun CASA/CASA-i **TIDAK** layak menyertai atau akan hilang kelayakan dengan serta-merta daripada menyertai Promosi ini.
8. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan hilang kelayakannya dengan serta merta daripada menyertai Promosi.
9. Promosi ini sah bersama kadar promosi FD/FD-i atau eFD/eFD-i yang lain (kecuali dinyatakan sebaliknya).

KAEDAH PROMOSI

10. Terdapat tiga (3) kategori dengan ganjaran masing-masing berdasarkan Kumpulan Pemenang di bawah Promosi ini, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Untuk menyertai kategori tersebut, Pelanggan mesti memenuhi pra-syarat berikut berdasarkan kategori yang berkaitan semasa Tempoh Promosi untuk layak menerima Ganjaran seperti yang ditunjukkan di bawah:

JADUAL 1

KATEGORI	Kumpulan Pemenang	Kriteria Kelayakan	Ganjaran
<u>Kategori 1</u> eFD/eFD-i Bersama	<u>Kumpulan Pemenang 1</u> 200 akaun pertama eFD/eFD-i Bersama yang dibuka dan membuat peletakan dalam bulan Promosi ³	1. Memohon dan berjaya membuka Akaun eFD/eFD-i Bersama, dan 2. Membuat peletakan minima RM1,000 ke dalam Akaun eFD/eFD-i Bersama	Satu (1) pasang e-baucar wayang Golden Screens Cinema (" GSC ") ⁴
	<u>Kumpulan Pemenang 2</u> <u>Ganjaran Pendeposit Tertinggi</u> 5 Pendeposit Tertinggi setiap bulan Promosi ³	1. 5 Pendeposit dengan jumlah nilai peletakan tertinggi untuk eFD/eFD-i Bersama setiap bulan Promosi	Satu (1) pasang baucar Syarikat Penerbangan bernilai RM3,000 (" Baucar Penerbangan ")
<u>Kategori 2</u> eFD/eFD-i (nama tunggal)	<u>Kumpulan Pemenang 1</u> <u>10 Hadiah Bulanan</u> (transaksi ke-X setiap bulan ¹ dan ³) Ke-8, ke-88, ke-188, ke-288, ke-388, ke-488, ke-688, ke-788, ke-888 dan ke-988	1. Membuat peletakan eFD/eFD-i dengan minima RM1,000 2. Nombor Transaksi yang sepadan dengan transaksi ke-X 3. Berjaya menjawab soalan berkaitan Promosi dengan betul melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (" SMS ") atau mod alternatif	Baucar Hotel Sofitel Kuala Lumpur 2H1M ("Baucar Hotel Sofitel Kuala Lumpur")

JADUAL 1 (seterusnya)

KATEGORI	Kumpulan Pemenang	Kriteria Kelayakan	Ganjaran
Kategori 3 Peletakan FD/FD-i di kaunter cawangan	Jumlah Keseluruhan Dana baharu yang diletakkan sepanjang Tempoh Promosi (berdasarkan siapa cepat dia dapat)		
	Kumpulan Pemenang 1 1,000 Pelanggan pertama dengan jumlah peletakan RM100,000 tetapi tidak melebihi RM250,000	1. Membuat peletakan keseluruhan RM100,000 tetapi tidak melebihi RM250,000	Pulangan Tunai RM50 ke dalam CASA/CASA-i yang Ditetapkan ²
	Kumpulan Pemenang 2 1,000 Pelanggan pertama dengan jumlah peletakan melebihi RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000	1. Membuat peletakan keseluruhan melebihi RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000	Pulangan Tunai RM100 ke dalam CASA/CASA-i yang Ditetapkan ²
	Kumpulan Pemenang 3 1,000 Pelanggan pertama dengan jumlah peletakan melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000	1. Membuat peletakan keseluruhan melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000	Pulangan Tunai RM200 ke dalam CASA/CASA-i yang Ditetapkan ²
	Kumpulan Pemenang 4 250 Pelanggan pertama dengan jumlah peletakan melebihi RM1,000,000 tetapi tidak melebihi RM5,000,000	1. Membuat peletakan keseluruhan melebihi RM1,000,000 tetapi tidak melebihi RM5,000,000	Baucar Hotel Sofitel Kuala Lumpur 2H1M
	Kumpulan Pemenang 5 10 Pelanggan pertama dengan jumlah peletakan melebihi RM5,000,000	1. Membuat peletakan keseluruhan melebihi RM5,000,000	1oz jongsong emas 999

¹Setiap peletakan eFD/eFD-i & eFD/eFD-i Bersama yang dibuat akan diberikan nombor mengikut urutan menaik berdasarkan tarikh dan masa peletakan tersebut berjaya diproses dalam sistem Bank ("**Nombor Transaksi**"). Pelanggan yang Nombor Transaksinya sepadan dengan transaksi ke-X seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah **DAN** berjaya menjawab soalan berkaitan Promosi dengan betul melalui SMS atau kaedah alternatif akan menjadi Pemenang Ganjaran bulanan.

²Pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam akaun pengkreditan yang sama yang dipautkan kepada peletakan FD/FD-i yang berkenaan ("**CASA/CASA-i Ditetapkan**"). Sekiranya Pelanggan mempunyai lebih daripada satu (1) akaun CASA/CASA-i Ditetapkan, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i Ditetapkan berdasarkan peletakan FD/FD-i terakhir yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Untuk mengelakkan keraguan, Pulangan tunai akan dilucutkan bagi Pelanggan yang tidak mempunyai CASA/CASA-i aktif pada masa pemenuhan.

³Bulan Promosi dan tempoh yang berkaitan, termasuk tarikh mula dan tarikh akhir (termasuk kedua-dua tarikh) untuk setiap Bulan Promosi adalah seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 11 Jadual 2.

⁴Bagi akaun FD-i Islamik, Ganjaran satu (1) pasang tiket wayang GSC akan digantikan dengan Pulangan Tunai bernilai setara yang akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan semasa pemenuhan.

11. Peletakan untuk Dana Baharu ke dalam Akaun Penyertaan FD/FD-i hendaklah dibuat dalam tempoh berikut:

JADUAL 2

Bulan Promosi ³	Tempoh Promosi
Bulan Promosi 1	21 Mac 2025 – 30 April 2025
Bulan Promosi 2	1 Mei 2025 – 31 Mei 2025
Bulan Promosi 3	1 Jun 2025 – 30 Jun 2025

GANJARAN PEMENANG (“PEMENANG”) DAN PEMENUHAN PROMOSI

12. Setiap Pemenang berhak untuk memenangi lebih daripada SATU (1) Ganjaran dalam lebih daripada satu Kategori setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.

Untuk mengelakkan keraguan, Pemenang hanya boleh memenangi Ganjaran untuk Kategori 3 sekali sahaja kerana ia berdasarkan jumlah keseluruhan peletakan Dana Baharu sepanjang Tempoh Promosi.

13. Ganjaran akan diberikan kepada Pelanggan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk pada Kuantiti Ganjaran seperti yang dinyatakan dalam Klausa 10 Jadual 1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam T&S di sini, sebaik sahaja jumlah peruntukan Ganjaran telah dicapai, tiada Ganjaran selanjutnya akan diberikan kepada Pelanggan. Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pelanggan sebaik sahaja had bagi jumlah peruntukan Ganjaran telah dicapai.
14. Bank akan memaklumkan Pemenang melalui e-mel berdasarkan alamat e-mel terkini mereka yang didaftarkan dan/atau SMS berdasarkan nombor telefon bimbit terkini mereka yang direkodkan dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank. Pemenang bertanggungjawab untuk menghubungi Bank untuk mengemas kini alamat yang betul dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan yang dihantar oleh Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak menerima Ganjaran jika alamat Pemenang tidak dikemas kini sebelum Tarikh Pemenuhan Ganjaran seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 15 Jadual 3 di bawah.
15. Senarai Pemenang akan dipaparkan di www.hlb.com.my/2025FDGiveaway (“**Laman Sesawang Promosi**”). Pemenang akan dihubungi oleh Bank berdasarkan tarikh yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3

Kategori	Kumpulan Pemenang	Pemenang	Tarikh Pemenuhan
1	1, 2	Ganjaran Bulan Promosi 1	Selewat-lewatnya 31 Ogos 2025
		Ganjaran Bulan Promosi 2	Selewat-lewatnya 30 September 2025
		Ganjaran Bulan Promosi 3	Selewat-lewatnya 31 Oktober 2025
2	1, 2	Ganjaran Bulan Promosi 1	Selewat-lewatnya 31 Ogos 2025
		Ganjaran Bulan Promosi 2	Selewat-lewatnya 30 September 2025
		Ganjaran Bulan Promosi 3	Selewat-lewatnya 31 Oktober 2025
3	1 hingga 5	Jumlah Keseluruhan Ganjaran Promosi Bulan 1, 2 dan 3	Selewat-lewatnya 31 Oktober 2025

16. Terma penggunaan berikut terpakai untuk Baucar Penerbangan:

Ganjaran	Butiran
<p>Baucar Penerbangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) pasang baucar Syarikat Penerbangan bernilai jumlah RM3,000 untuk dua (2) orang sahaja ("Baucar Syarikat Penerbangan"); • Pemenang boleh menggunakan Baucar Penerbangan untuk perjalanan ke destinasi pilihan dengan syarikat penerbangan pilihan ("Perjalanan"), untuk ditempah melalui agensi pelancongan yang dilantik HLB untuk Promosi ini, iaitu Mega Air Travel (M) Sdn Bhd ("Mega Air Travel"). • Nilai Baucar Penerbangan termasuk bagasi, pemilihan tempat duduk, makanan dan cukai yang dikenakan sehingga jumlah keseluruhan RM3,000 sahaja. • Sekiranya kos Perjalanan yang ditempah oleh Pemenang melebihi RM3,000, Pemenang hendaklah menanggung amaun yang melebihi RM3,000. • Baucar Penerbangan adalah tertakluk pada terma dan syarat Mega Air Travel serta sebarang terma dan syarat syarikat penerbangan yang dipilih. <p><u>Pengecualian:</u> -</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Penginapan hotel; b) Insurans Perjalanan; c) Pemindahan Lapangan Terbang; dan d) Kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Perjalanan.

17. Pengaturan pemenuhan untuk setiap Ganjaran adalah seperti yang disenaraikan di bawah. Dalam kes Akaun eFD/eFD-i Bersama atau Akaun FD/FD-i Bersama dengan lebih daripada satu (1) pemegang akaun, Ganjaran akan diberikan kepada pemegang akaun utama.

Rujuk Klausa 15 Jadual 3 di atas untuk tarikh pemenuhan.

No.	Ganjaran	Pemenuhan
1.	E-baucar wayang GSC	Pemenang akan menerima kod e-baucar wayang GSC mereka melalui SMS atau pemberitahuan daripada Aplikasi HLB Connect Online (berdasarkan maklumat Pelanggan yang tercatat dalam rekod Bank). Terma dan syarat lain yang berkenaan akan dinyatakan di dalam e-baucar atau pautan e-baucar.
2.	Baucar Penerbangan	Pemenang akan menerima baucar penerbangan melalui pos (berdasarkan maklumat Pelanggan dalam rekod Bank). Baucar Penerbangan juga tertakluk pada set terma dan syarat yang berasingan berdasarkan Mega Air Travel dan syarikat penerbangan pilihan.
3.	Baucar hotel Sofitel Kuala Lumpur	Pemenang akan menerima baucar hotel 2 Hari 1 Malam (2H1M) melalui pos (berdasarkan maklumat Pelanggan yang dicatat dalam rekod Bank). Terma dan syarat lain yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam baucar hotel.

4.	Pulangan tunai ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan	Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada CASA/CASA-i Ditetapkan Pemenang dengan Bank di bawah Klausa 10, Jadual 1 (lihat nota kaki 2).
5.	Jongkong emas 999	Pemenang akan menerima jongkong emas melalui kurier atau melalui pengambilan sendiri di cawangan.

18. Perkhidmatan SMS disediakan oleh Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (893379-U), vendor SMS yang dilantik oleh Bank ("**Infobip**").
19. Bank akan melantik penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk menyampaikan Ganjaran melalui kurier dan/atau e-mel kepada Pemenang selewat-lewatnya pada Tarikh Pemenuhan seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 16 Jadual 3. Pemenang hendaklah, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan secara langsung dengan pembekal iaitu GSC, Sofitel Kuala Lumpur Damansara dan Mega Air Travel untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Ganjaran tanpa merujuk kepada Bank.
20. Pemenang hendaklah berhubung secara langsung dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (ke-3) yang diluluskan untuk semua perkara yang berkaitan dengan maklumat Ganjaran, pemenuhan, pembayaran, penghantaran, tuntutan dan jaminan. Bank tidak memberikan sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang item yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan dalam bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya). Pemenang hendaklah, atas kos dan perbelanjaannya sendiri, berurusan secara langsung dengan pembekal untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkenaan dengan item tersebut tanpa merujuk kepada Bank.
21. Pemenang bertanggungjawab untuk menghubungi Bank sekiranya tidak menerima Ganjaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas Tarikh Pemenuhan seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 15 Jadual 3, jika gagal, Pemenang dianggap telah menerima Ganjaran dan sebarang tuntutan untuk bayaran balik dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tarikh pemenuhan tidak akan diproses.
22. Ganjaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau dalam bentuk lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
23. Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima Ganjaran setelah dimaklumkan oleh Bank, penolakan tersebut akan dianggap sebagai penolakan oleh Pemenang dan tiada penggantian atau pertukaran Ganjaran akan dilayan dan Bank berhak untuk memberikan Ganjaran tersebut kepada Pemenang yang lain. Sebarang permintaan pembatalan dan/atau bayaran balik sebaik sahaja penebusan Ganjaran telah disahkan adalah sama sekali tidak dibenarkan.
24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju bahawa mereka tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga termasuk Infobip, GSC, Sofitel Kuala Lumpur Damansara dan Mega Air Travel yang terlibat dengan Bank untuk tujuan Promosi ini) ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung berkaitan dengan Promosi ini dan/atau berkaitan dengan Ganjaran atas apa-apa sebab sekalipun.

25. Pemenang dengan ini memberikan persetujuan dan mengizinkan Bank untuk berkongsi butiran mereka kepada wakil yang dilantik oleh Bank untuk tujuan Promosi ini. Bank memberi jaminan bahawa perkongsian butiran tersebut kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga (ke-3) termasuk Infobip hendaklah terhad kepada nama, alamat, e-mel dan/atau nombor telefon bimbit Pemenang dan hanya akan digunakan berhubung dengan dan untuk tujuan Promosi ini.
26. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan ataupun kelewatan dalam menyediakan Ganjaran disebabkan oleh sebarang kejadian yang tidak dijangka dan di luar kawalan munasabah Bank.
27. Visual Ganjaran di Laman Sesawang Bank atau sebarang bahan promosi rasmi untuk Promosi ini berfungsi sebagai tujuan ilustrasi sahaja.
28. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pengeluaran termasuk pengeluaran pramatang FD/FD-i sebelum tarikh tamat Promosi ini walaupun pihak Bank telah memberikan Nombor Transaksi, kelayakan Pelanggan akan terbatal daripada memenangi Ganjaran di bawah Promosi ini.
29. Sekiranya Ganjaran tidak tersedia disebabkan oleh sebarang keadaan yang tidak dijangka, Bank berhak untuk menggantikan atau menukar Ganjaran dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai yang sama dengan memberi notis terlebih dahulu.
30. Bank berhak untuk menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang sebagai bahan untuk tujuan publisiti, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau bentuk pampasan lain bagi bahan tersebut.

UMUM

31. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect Online dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun eFD/eFD-i ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dan pemilihan untuk Pemenang dalam Tempoh Promosi adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas Pelanggan;
 - (iv) memberi persetujuan dan mengizinkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, alamat e-mel, nombor hubungan dan alamat rumah/tempat kerja, jika berkenaan, kepada syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Ganjaran untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel untuk Promosi ini seperti Infobip;
 - (v) untuk bertanggungjawab untuk memberikan butiran hubungan semasa mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor telefon bimbit dan alamat e-mel, dan untuk segera memberitahu Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan, atau sekiranya SMS dan/atau e-mel tidak dapat dihantar, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang tidak tepat/tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan atau sekiranya SMS, e-mel tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun;

- (vi) memberi persetujuan dan kebenaran untuk penggunaan, pendedahan atau penerbitan data peribadi mereka oleh Bank (iaitu nama dan, ID dan/atau nombor akaun yang terlindung) tanpa pampasan untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (vii) untuk mengakses Laman Sesawang Bank secara kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (viii) bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang mempunyai ruang peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih/internet yang berkaitan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan dalam kes dan keadaan seperti:
 - (a) SMS ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang masalah penghantaran akibat kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
 - (b) e-mel ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang masalah penghantaran oleh pembekal e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada lencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh pembekal e-mel Pelanggan;
(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").Oleh itu, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga daripada sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank dan sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan diproses;
 - (ix) bahawa faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar dengan kredit pendahuluan, cek atau faedah dalam barangan; dan
 - (x) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan (jika ada) berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
32. Bank berhak:
- (i) dengan notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara paparan dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) untuk membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran T&S Promosi dikesan.
33. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
34. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
35. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

36. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Akaun Penyertaan FD/FD-i dan CASA/CASA/-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Produk Penyertaan FD-i dan CASA-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.